

Headline **Prostar sedarkan remaja bahaya Aids**
Date **11 Dec 2009**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **8**
Article Size **160 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,440**
PRValue **10,321**



Prostar sedarkan remaja bahaya Aids

SEREMBAN: Kementerian Kesihatan akan menjadikan Program Sihat Untuk Remaja (Prostar) sebagai ejen perubahan dalam usaha menyedarkan masyarakat terutama golongan muda terhadap bahaya penyakit HIV/Aids yang masih pada tahap membimbangkan.


Timbalan Menteri, Datuk Rosnah Shirlin Abd Rashid Shirlin, berkata langkah itu diambil kerana remaja dan golongan muda berusia antara 30 dan 39 tahun antara kumpulan mudah terdedah kepada penyakit berkenaan.

Beliau berkata, berdasarkan statistik sehingga akhir tahun lalu, 84,630 individu dijangkiti HIV dan daripada jumlah itu, 14,576 dijangkiti Aids manakala 12,589 meninggal dunia disebabkan HIV/Aids.

"Statistik itu menunjukkan jangkitan HIV/Aids di negara ini masih pada tahap serius, sekali gus memerlukan tindakan proaktif bagi menanganinya untuk memastikan bilangan kes tidak bertambah.

"Masyarakat harus memandang serius terhadap Aids dengan mengamalkan cara hidup sihat dan menjauhkan diri terjebak dalam kegiatan yang boleh mendedahkan mereka menghidap penyakit berkenaan.

"Fokus Kementerian kini



ROSNAH SHIRLIN...ambil tindakan proaktif

diberikan terhadap pembabit golongan remaja kerana mereka antara golongan berisiko tinggi terdedah kepada gejala ini," katanya selepas merasmikan Program Olek Sekampung sempena majlis sambutan Hari Aids Sedunia 2009 peringkat Negeri Sembilan di Kampung Baru Sri Sikamat, dekat sini, baru-baru ini.

Rosnah Shirlin berkata, Kementerian akan menaik taraf pusat khidmat Prostar dan memberikan pendekatan baru bagi memastikan program berkenaan benar-benar memberi manfaat kepada golongan muda mengenai keburukan dan risiko jangkitan HIV/Aids.

Menurutnya, pendekatan itu termasuk melatih lebih ramai sukarelawan Prostar yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk bertindak sebagai ejen pembangunan kepada masyarakat.